

BIDALAN

☺ Bidalan ialah sejenis peribahasa yang mengandungi nasihat dan peringatan. Berikut ialah contoh-contoh bidalan:

BIDALAN	MAKSUD	CONTOH
1. Adat perluk berkerak, adat lesung berbedak.		Aminah gigih berusaha bagi memenuhi cita-citanya untuk menjadi jutawan kerana dia sedar bahawa <u>adat perluk berkerak, adat lesung berbedak.</u>
2. Berani menjual, berani membeli.	Berani menerima risiko perbuatan.	Hamid <u>berani menjual, berani membeli</u> cabaran perlawanan catur secara individu dengan Billy. Hamid tahu jika menang dia akan masuk peringkat akhir, tetapi jika kalah dia akan tersingkir.
3. Berbilang dari esa, mengaji dari alif.		"Jika hendak belajar membaca hendaklah mengenal huruf-huruf terlebih dahulu, kerana belajar itu <u>berbilang dari esa, mengaji dari alif.</u> " kata cikgu Amir kepada pelajar-pelajarnya.
4. Berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat.		"Perkara ini amat serius kerana melibatkan nama baik syarikat ini. Oleh itu, kita hendaklah <u>berfikir sebelum berkata, berunding sebelum dibuat.</u> " kata pengarah Eksekutif syarikat kepada para pengurusnya.
5. Biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian.	Sesuatu perkara itu perlu difikirkan dan dibincangkan terlebih dahulu supaya tidak menyesal kelak.	"Sebarang tindakan yang kamu ambil akan mempengaruhi masa depanmu. Oleh itu, usah terburu-buru hendak membuat keputusan, <u>biar berkelahi dahulu, jangan berkelahi kemudian.</u> " kata Pak Hashim kepada anaknya.
6. Biar mati anak, jangan mati adat	Adat resam dan kebudayaan yang tidak boleh dilanggar.	Setelah anak gadisnya lari mengikut kekasihnya, Pak Malim telah menyisihkan anaknya itu daripada keluarganya kerana malu anaknya itu tidak mengikut adat. Baginya <u>biar mati anak, jangan mati adat.</u>